



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PROGRAM SINGGAH SAINS TERENGGANU 2022

KUALA TERENGGANU, 26 JUN 2022 - Timbalan Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi, YB Datuk Haji Ahmad Amzad Bin Hashim hari ini telah merasmikan **Program Singgah Sains Terengganu 2022** di Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu (PSKT).

Program yang dianjurkan oleh Pusat Sains Negara (PSN) dengan kerjasama PSKT ini diperkenalkan dalam usaha untuk mendekati masyarakat terutamanya golongan muda dan pelajar bagi memupuk minat dan meningkatkan populariti bidang sains, teknologi dan Inovasi (STI).

Penganjuran program ini juga sejajar dengan matlamat Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030 (DSTIN) dalam memacu Malaysia ke arah sebuah negara yang lebih berdaya saing melalui STI yang kukuh.

YB Datuk Haji Ahmad Amzad Bin Hashim berkata, "Program Singgah Sains Terengganu 2022 ini dapat memperkasakan pembudayaan STI tanpa mengira latar belakang dan pelbagai lapisan masyarakat dalam usaha melahirkan modal insan yang inovatif, berdaya saing, berkemahiran dan berpengetahuan."

Program Singgah Sains Terengganu 2022 disertai oleh Keluarga Malaysia dalam kalangan murid pra-sekolah, sekolah rendah dan menengah, pelajar institut pengajian tinggi, ibu bapa serta warga pendidik. Ia dilihat mampu menjadi salah satu pemacu ke arah membina bakat STI, selari dengan keperluan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) yang memfokuskan kepada kemajuan ekonomi berasaskan pengetahuan.

“PSN sentiasa menggalakkan kerjasama pintar dalam bidang STI yang dapat memberikan impak besar kepada masyarakat. Justeru, inisiatif dan kerjasama pintar antara PSN dan PSKT yang telah terjalin sejak sekian lama sehingga kini dilihat sebagai platform terbaik untuk merancang pelbagai program pendidikan dan pameran interaktif,” ujar beliau.

Pada majlis perasmian tersebut, pameran ***Mobile Thematic Exhibition (MTE)*** bertemakan ‘**Dunia Galaksi**’ turut diperkenalkan. Sebanyak sembilan set bahan pameran modular berkonsepkan fizik astronomi bernilai RM500,000.00 ditempatkan di PSKT bagi tempoh dua tahun. Pameran Dunia Galaksi yang dibangunkan oleh PSN ini berkonsepkan fizik astronomi dengan keluasan 300 meter persegi.

Ia dilengkapi dengan persekitaran interaktif, bahan pameran *hands-on*, teks saintifik dan maklumat berbentuk grafik bagi menarik minat orang ramai mengenai STI. Melalui aplikasi ini, ilmu astronomi, fizik dan fenomena seperti Fasa Bulan, Peredaran Atmosfera, Hukum Newton, Kuiz Buruj dan banyak lagi dapat dipelajari dengan lebih menarik.

Dalam ucapan perasmian YB Datuk Haji Ahmad Amzad Bin Hashim menyeru rakyat negeri Terengganu untuk merebut peluang untuk turut serta dalam pelbagai aktiviti sains yang diadakan sepanjang program tersebut berlangsung.

[TAMAT]

**Dikeluarkan oleh:
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
26 Jun 2022**